

MAHATHIR

(1)

DARI EFFENDI ARIFFIN

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 3 PAGI 24 JAN.

1984

PARIS, 23 JAN. (BERNAMA) -- PEROANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI BAHAWA MALAYSIA INGIN MENYERTAI PERKONGSIAN YANG TULEN DENGAN NEGARA-NEGARA TIMUR DAN JUGABARAT DALAM PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN DALAM BIDANG-BIDANG PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PERDAGANGAN.

KATANYA, SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN, MALAYSIA BOLEH MEMBERI PELUANG-PELUANG KEPADA NEGARA-NEGARA TERSEBUT, TERMASUK PERANCHIS, YANG MEHPUNYAI KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN KEMAMPUAN UNTUK MENYERTAI SECARA AKTIF DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA.

+KITA SUOAH PASTI MENGALU-ALUKAN KEPENTINGAN PERANCHIS DALAM BIDANG INI,+ KATANYA OX MAJLIS JAHUAN MALAM YANG DIBERIKAN KEPADANYA OLEH PEROANA MENTERI PERANCHIS, ENCIK PIERRE MAUROY.

PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA SERAMAI 20 ORANG PEGAWAI TIBA DI SINI MALAM TADI UNTUK LAWATAN EMPAT HARI KE PERANCHIS. BELIAU BARU SAHAJA MENAMATKAN LAWATAN 10 HARI KE KANAOA DAN AMERIKA SYARIKAT DALAM RANGKAI LAWATAN KE EMPAT BUAH NEGARA YANG AKAN DI AKHIRI DENGAN LAWATAN KE SWITZERLAND MINGGU INS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH TENTANG KERJASAMA YANG PENTING ANTARA PERANCHIS DAN MALAYSIA DALAM BIDANG PELAJARAN DAN +KEDUA-DUA PIHAK KAMI SEDANG DALAM PROSES MENYIAPKAN PERJANJIAN PROGRAM 01 MANA. PARA PELAJAR MALAYSIA AKAN MELANJUTKAN PELAJARAN MEREKA DI PERANCHIS.-- LAGI 2355/MB

M A H A T H I R 2 PARIS (EMBARGO)

BELIAU YAKIN PROGRAM ITU AKAN MELAHIRKAN ASAS BAGI PERHUBUNGAN YANG LEBIH ERAT ANTARA KE DUA BUAH NEGARA DI MASA DEPAN.

MENGENAI PERDAGANGAN, ADALAH MENJADI HARAPANNYA BAHAWA PERDAGANGAN DUA HALA ANTARA KEDUA-KEDUA BUAH NEGARA ITU AKAN DIPERLUASKAN LAGI, DARI JUMLAH SEKARANG. MALAYSIA DAN RAKAN-RAKANNYA DALAM ASEAN JUGA MENGHARGAI KERJASAMA DAN PERDAGANGAN DI ANTARA EEC DAN ASEAN DAN DIALOG DAN MESYUARAT YANG DIAKAKAN ANTARA KEDUA-DUA KUMPULAN ITU AKAN MEMBERI FAEDAH BERSAMA KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA EEC DAN NEGARA-NEGARA ASEAN.

MENYENTUH TENTANG ISU-ISU LAIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN KEHLMBANGAN MALAYSIA YANG DIRASAI OLEH SEMUA NEGARA MENGENAI PENANGGUHAN PERBINCANGAN MENGURANGKAN SENJATA DI ANTARA DUA BUAH KUASA BESAR.

DI ASIA BARAT, KATANYA, SOAL PALESTIN YANG TELAH MENJADI PUNCA PERTENTANGAN ARAB-ISRAEL MASIH BELUM DAPAT DISELESAIKAN DAN MALAYSIA TELAH MENYERU SUPAYA DIADAKAN PERSIDANGAN KEAMANAN ANTARA-BANGSA MENGENAI ASIA BARAT.

"KAMI YAKIN BAHAWA DEKLARASI DAN PROGRAM TINOAKAN PERSIDANGAN GENEVA MEMBERI SAS KEPADA KEAMANAN YANG ADIL DAN KOMPRESIF DAN AKAN DISUBULI OLEH PENUBUHAN NEGARA PALESTIN YANG BEBAS." BERNAMA